



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.4/2024
PADA 30 APRIL 2024 (SELASA) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT...

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.
Salam Malaysia Madani.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
4. Meskipun pada hari ini kita telah berada pada **21 Syawal**, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin kepada seluruh Ahli-Ahli Mesyuarat sekalian. Alhamdulillah, sepanjang bulan Ramadhan kita telah dapat meneruskan agenda-agenda Majlis dengan jayanya. Komitmen dan kesungguhan yang telah dilakukan dalam memastikan kesejahteraan Bandaraya Seremban terjamin dan terpelihara adalah suatu metafora kemenangan kita sebagai warga MBS.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Seperti yang sedia maklum, Jabatan Meteorologi Malaysia telah menyatakan Fasa peralihan monsun telah bermula pada 29 Mac 2024 dan dijangka berterusan sehingga Mei 2024. Dalam tempoh ini, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah yang kondusif untuk kejadian ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di Malaysia.

6. Penyelenggaraan longkang-longkang dan *trash screen* hendaklah diselenggara dengan berkala bagi mengelakkan berlakunya sampah-sampah yang tersangkut dan tersumbat, seterusnya boleh mengakibatkan banjir berlaku. Perkara asas seperti ini, hendaklah selalu dipantau supaya ianya tidak terabai.
7. Saya mohon kesiapsiagaan dari segi pasukan *response team* MBS hendaklah terus dipertingkatkan. Aduan mengenai pokok-pokok tinggi dan longkang yang tersumbat perlulah diselesaikan dan diatasi segera bagi mengelakkan sebarang kemalangan yang tak diingini sebelum ianya berlaku.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Mengakhiri suku pertama tahun 2024 ini, masih banyak lagi agenda yang perlu diteruskan Majlis bagi memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan *timeline* yang telah ditetapkan. Perancangan dan gerak kerja Jabatan haruslah ditambahbaik dari masa ke masa.
9. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar ada suatu *Business Process Reengineering* (BPR) yang perlu diilhamkan dan diaplikasikan pada setiap Jabatan / Unit yang mempunyai urusan-urusan yang bersangkutan paut dapat diselesaikan pada satu kaunter yang sama supaya boleh memendekkan masa sesuatu urusan seperti One Stop Center di Wisma MBS dan di Pejabat Cawangan Nilai juga boleh menguruskan sesuatu urusan tanpa *public* perlu hadir di HQ MBS.

10. Perubahanan dan inovasi perkhidmatan di MBS perlulah dilaksanakan mengikut kemajuan teknologi yang berlaku sekarang. Hal ini kerana, sebagai penjawat awam, kita turut akan bertindak dalam mendidik masyarakat untuk mengikut perubahan yang dilaksanakan. Inisiatif perubahan dan Inovasi dalam perkhidmatan yang berlaku sememangnya akan memberikan satu reaksi yang positif kepada pelanggan mahupun kepada organisasi.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

11. Sehingga 28 April 2024, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (63.14 Juta)

Prestasi = **RM57.40 Juta (77.27%)**

(b) Sasaran 30% Tunggakan (RM26.02 Juta)

Prestasi = **RM7.76 Juta (8.95%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.5 Juta)

Prestasi = **RM70.74 Juta (48.62%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56 Juta)

Prestasi = **RM94.41 Juta (42.23%)**

(e) Belanja Mengurus (RM220.16 Juta)

Prestasi = **RM59.44 Juta (27.00%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM14.40 Juta)

Prestasi = **RM3.37 Juta (23.47%)**

12. Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan lawatan presmis dan operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu seperti ketetapan berikut ;

- I. Taman Ara Sendayan,
- II. Taman Sapphire,
- III. Taman Bukit Pari,
- IV. Taman Sri Rambai,
- V. Taman Bukit Kepayang,
- VI. Taman Pinggiran Senawang,

13. Hasil daripada aktiviti operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu yang dijalankan ini berjaya menghasilkan kutipan berjumlah **RM 38,050.70** daripada **70 bilangan akaun**.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

14. Sehingga 31 Mac 2024, MBS telah menjalankan aktiviti ;

- Kawalan *fogging* di **20,918** buah premis
- *ULV* di **36,151** buah premis
- *Larvaciding* di **131** lokaliti
- *Source reduction* di **131** lokaliti
- Gotong royong di **42** buah taman

15. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS mulai 1 Mac 2024 hingga 31 Mac 2024 mencatatkan;
- a. **Tanah Perkuburan Kristian Sendayan**
6 pengebumian,
 - b. **Tanah Perkuburan Islam Ainsdale**
5 pengebumian jenazah,
 - c. **Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2**
52 pengebumian jenazah,
16. Dalam pada itu, Jabatan Kesihatan Persekitaran bersama Unit Pemakanan, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan telah mengadakan program taklimat berkenaan **Kempen Kurangkan Gula Kepada Pengusaha Makanan & Minuman** bersempena dengan Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia. Seramai 70 orang pengusaha makanan dan minuman telah menyertai yang terdiri daripada pengusaha Medan Selera milik PBT, pengusaha Kafeteria sukarelawan Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN), pengusaha kantin sekolah, pemilik restoran serta peniaga bazar Ramadan di sekitar daerah Seremban dan Nilai.
17. Selain itu, Pada 18 Mac 2024, bersempena dengan Sambutan Hari Kitar Semula Global, Majlis Bandaraya Seremban dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan, SWM Environment Sdn Bhd, Life Line Clothing Sdn Bhd dan Minggu Fesyen Negeri Sembilan yang diwakili oleh Mainstream Properties Sdn bhd dan Spectrum Ventures (M) Sdn Bhd dengan bangganya telah melancarkan Pusat Kitar

Semula Sisa Tekstil yang pertama di Negeri Sembilan. Pelancaran Pusat Kitar Semula Sisa Tekstil ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak, Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan.

18. Pusat kitar Semula Sisa Tekstil ini akan diuruskan oleh Life Line Clothing Malaysia Sdn Bhd bersama dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Muslim Volunteers Malaysia (MVM) untuk membantu dalam mengumpul sisa tekstil di Negeri Sembilan dan akan beroperasi 24 jam sehari bagi membolehkan orang awam melupuskan sisa tekstil seperti pakaian terpakai, kasut, bag, aksesori, *soft toys* dan lain-lain.
19. Sebanyak 44 buah lokasi penganjuran Bazar Ramadan dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban melibatkan jumlah tapak sebanyak 2,386 telah dipantau oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBS sepanjang bulan Ramadan yang lalu. Pemantauan ini telah berlangsung sepanjang bulan Ramadan iaitu bermula daripada 13 Mac 2024 sehingga 28 Mac 2024 bertujuan untuk memastikan tahap kebersihan dan kesihatan bazar Ramadan yang terbaik dalam kawasan majlis iaitu dari aspek pengendali makanan dan juga pengurusan sampah di tapak bazar Ramadan.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

20. Pada 21 Mac 2024, Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan (JL) telah mengadakan lawatan tapak bersama YBhg. Datuk Lattefah Ali di Tapak Penjaja Setempat Taman Telawi. Lawatan ini bagi melihat kesesuaian bagi cadangan untuk membina pusat penjaja di tapak penjaja sementara dan MBS bersetuju dengan cadangan tersebut.
21. Saya mohon Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan dapat membuat penilaian sewajarnya hasil daripada lawatan dan tinjauan yang telah dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada MBS, penjaja dan masyarakat setempat.

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

22. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan tahun 2024 (sehingga 18 April 2024) di seluruh kawasan MBS. Ringkasan pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti berikut :

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 01/01/2024 HINGGA 18/04/2024	
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	130,027
NILAI AMAUN	RM 7,740,600.00

BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	46,574	35.8%
NILAI AMAUN BERBAYAR	RM 943,131.00	12.18%

23. Perincian daripada 130,027 bilangan kompaun yang dikeluarkan terdiri dan tertakluk kepada Akta / Enakmen/ Perintah/ UUK seperti yang dinyatakan berikut ;

(Dinyatakan dalam paparan di slide)

SUMBER : JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

PROGRAM BAZAR AIDILFITRI 2024 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

24. Pada 26 Mac – 28 Mac 2024 bersamaan hari Selasa - Khamis, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan, Majlis Bandaraya Seremban dengan kerjasama ANULAE Cawangan Seremban, Kelab Sukan MBS dan Badan Kebajikan Islam MBS telah menganjurkan Program Bazar Aidilfitri 2024 Majlis Bandaraya Seremban di Lobi Wisma MBS dan seramai 25 peniaga telah mengambil bahagian dalam Program Bazar Aidilfitri 2024 ini.
25. Pastinya pelaksanaan program ini dapat membantu para peniaga kecil menjana pendapatan tambahan yang juga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Sembilan untuk membantu peniaga kecil dalam membangunkan komuniti setempat. Tambahan pula, program ini juga

membuka ruang lebih luas kepada penguasa tempatan untuk mengembangkan produk jualan Industri Kecil Sederhana (IKS).

SUMBER : JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

PELAPORAN JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP

26. Jabatan Taman & Landskap telah mengadakan Kunjungan Kasih Bersama Komuniti ke Pusat Jagaan Anak Yatim Al-Kausar , Taman Marida. Kunjungan kasih ini bagi menerapkan sifat ihsan dan memberi sokongan moral kepada anak-anak Pusat Jagaan Anak Yatim Al-Kausar dengan berkongsi rezeki menyalurkan sumbangan barangan runcit dan barangan bagi persediaan Hari Raya Aidilfitri. Tahniah JTL

SUMBER : JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN UNIT INTEGRITI

27. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah mengedarkan surat hebahan berkenaan **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.5 Pengurusan Penerimaan Atau Pemberian Hadiah, Keraian Dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam**. Justeru itu, adalah dimohon bagi memastikan semua pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban mematuhi arahan dan peraturan di bawah ceraian U.P.7.2.5 ini bertujuan untuk memelihara keutuhan, memantapkan tatakelola serta mengukuhkan sifat amanah dan tanggungjawab berpaksikan nilai Integriti di dalam kalangan penjawat awam.

28. Pengurusan Penerimaan Atau Pemberian Hadiah Keraian dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam ini boleh dicapai melalui portal MyPPSM sebagai panduan untuk menjelaskan pemberian dan penerimaan hadiah, keraian dan tajaan di dalam perkhidmatan awam. Sehubungan itu, pihak kerajaan sangat menekankan agar pegawai dan kakitangan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan khususnya Majlis Bandaraya Seremban tidak terlibat dengan gejala rasuah kerana ianya boleh mengakibatkan runtuhnya sebuah organisasi.
29. Selain itu, saya juga ingin menegaskan dan mengingatkan Isu kebocoran maklumat dan aduan awam sejak kebelakangan ini adalah suatu isu yang serius. Unit Integriti MBS telah menerima beberapa aduan daripada orang awam berkenaan kebocoran maklumat dan aduan awam yang dibuat melalui aduan SISPAA.
30. Ia menjadi satu kesalahan yang amat besar apabila amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita boleh tersebar dengan begitu mudah dan mengakibatkan pengadu hilang kepercayaan terhadap Majlis Bandaraya Seremban. Saya menyeru kepada semua warga MBS agar tidak membocorkan ketirisan maklumat ini demi menjamin kelestarian pegawai dan kakitangan serta organisasi MBS.

SUMBER : UNIT INTEGRITI

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

SEMINAR PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR DAN RENDAH KARBON

31. Majlis Bandaraya Seremban akan menganjurkan **Seminar Pembangunan Bandar Pintar dan Rendah Karbon** yang bertemakan “**MEMACU MALAYSIA VISION VALLEY KE ARAH BANDAR PINTAR DAN RENDHA KARBON**”. Seminar ini akan diadakan pada 28 Mei 2024 yang akan datang di Hotel Royal Chulan, Seremban yang akan dirasmikan oleh YAB. Menteri Besar Negeri Sembilan. Anggaran seramai 300 peserta yang akan menghadiri seminar ini dari seluruh Malaysia dan pelbagai latar belakang.
32. Objektif utama seminar ini adalah untuk menggalakkan ahli professional, pemaju serta pihak berkepentingan melaksanakan inisiatif pembangunan bandar pintar dan bandar rendah karbon selaras bagi mendokong dan merealisasikan Dasar-Dasar Negara kearah Pertumbuhan Hijau dan Agenda Pembangunan Mampan.
33. Susulan dari seminar yang diadakan, Majlis turut menganjurkan satu lawatan *benchmarking* ke Bandung, Indonesia pada **29 Mei hingga 1 Jun** yang akan datang. Tujuan utama lawatan benchmarking ini adalah untuk melawat dan belajar pengoperasian Bandung *Command Centre* dan Pusat Bank Sampah Bersinar yang beroperasi untuk tujuan program kitar semula.

34. Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada semua ahli mesyuarat untuk memanjangkan hebahan seminar ini kepada kenalan atau pihak-pihak berkepentingan untuk menyertai dan hadir pada sesi seminar ini bagi mencapai objektif utama seminar ini.

SUMBER : JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

JAMUAN HARI RAYA MBS 2024

35. Meskipun telah memasuki minggu ketiga bulan Syawal 1445H, kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri sentiasa dirasai. Budaya kunjung-mengunjung atau konsep rumah terbuka yang diadakan mempamerkan satu ikatan tali persaudaraan yang tidak akan putus. Sehubungan itu, Tahniah saya ucapkan kepada kesemua urusetia, petugas dan warga MBS yang telah bertungkus lumus melakukan persiapan dan persediaan bagi menjayakan dan memeriahkan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri MBS 2024 di Dewan MBS, khamis lalu.

PENUTUP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja ialah yang kuat lagi amanah." (Surah al-Qasas, ayat 26)

36. Gabungan ciri-ciri dari sudut ***al-quwwah*** iaitu kekuatan serta kemampuan bukan sekadar fizikal, tetapi juga kepakaran ilmu dan kemahiran serta mempunyai amanah, ketelusan serta kasih sayang dalam melaksanakan setiap tugas, dengan izin Allah SWT segala yang direncana bakal menjadi dan diberkati.

37. Tanggal 1 Mei setiap tahun merupakan tarikh yang amat sinonim dan bermakna bagi kesemua pekerja di Malaysia kerana ianya merupakan cuti khas bagi golongan pekerja. Tidak kiralah kita sebagai pekerja di sektor awam, sektor swasta mahupun bekerja sendiri. Ianya tetap menjadi faktor penyumbang kepada kemajuan negara.
38. Tema yang dipilih sempena Hari Pekerja 2024 ialah **PEKERJA KESUMA BANGSA**. Tema ini bertepatan dengan penjenamaan semula Kementerian Sumber Manusia kepada **KESUMA**. Pemilihan tema ini adalah seiring dengan inisiatif Kerajaan melahirkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri kebudayaan, nilai dan aspirasi yang sama disamping berkompentensi untuk berinovasi dan menerokai bidang-bidang baru yang merupakan faktor yang akan menentukan daya saing dan kemakmuran masa depan negara.
39. Sebagai warga kerja MBS, semangat yang kita bawa setiap hari ke tempat kerja bukanlah sekadar rutin asas, tetapi juga cerminan dari tekad dan semangat kita dalam membawa nama MBS dengan pencapaian-pencapaian yang diperolehi dipelbagai peringkat tertinggi dalam pelbagai bidang seperti sukan dan anugerah-anugerah.
40. Semalam juga, (29 April 2024) saya bersama Puan Azura binti Abu Hasan, Pengarah Pembangunan Masyarakat & Pelancongan MBS telah hadir pada sesi penyampaian **Anugerah ASEAN Clean Tourist City Standard 2024 - 2026 Peringkat Kebangsaan** yang telah di sempurnakan oleh YBhg. Dato' Roslan bin Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya.

41. MBS merakamkan ucapan penghargaan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang erat dan komitmen yang tinggi daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta sepanjang menjayakan anugerah ini. Tahniah juga khususnya buat kakitangan Unit Pelancongan, JPMP yang telah bertungkus lumus mengendalikan dan mengetuai perjalanan dalam penerimaan anugerah ini adalah sebagai suatu realiti.

42. Dikeempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan MBS yang telah berjaya menjadi **Juara bagi Kejohanan Bola Speak Pantai pada Labuan International Sea Challenge 2024 (LISC)** dan selamat berjuang kepada kesemua kakitangan MBS yang berjaya dipilih mewakili Negeri Sembilan dalam acara-acara sukan di pertandingan Sukan MAKSAK 2024. Saya turut dimaklumkan, pasukan daripada MBS juga dipilih untuk mewakili Negeri Sembilan bagi sukan **E-Sports (PUBG)** yang akan dipertandingkan pada Sukan MAKSAK edisi kali ini.

43. Hal ini, menunjukkan bakat terpendam yang dimiliki pada warga kerja MBS adalah suatu keistimewaan dan kelebihan bagi mengharumkan nama MBS diperingkat tertinggi. Teruskanlah usaha dan semangat juang, pengorbanan yang dilaksanakan pastinya akan membuahkan kejayaan. *In Shaa Allah.*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

44. Hari Pekerja adalah *moment* yang tepat untuk menghargai setiap langkah yang telah kita ambil dalam perjalanan karier kita. Hari Pekerja ini adalah pengingat akan nilai-nilai kerja keras, ketekunan, dan

komitmen yang telah membentuk landasan kejayaan kita. Mari kita hargai setiap cabaran yang telah kita hadapi, setiap kesempatan yang telah kita manfaatkan, dan setiap kerja keras yang telah kita lakukan untuk mencapai impian dan tujuan kita.

45. Akhir kata, sempena pada Hari Pekerja yang akan disambut esok, marilah kita bersama-sama merayakan semangat kerja, mengakui nilai-nilai integriti dan dedikasi, serta merangkul setiap peluang untuk peningkatan kualiti dan kejayaan. Semoga Hari Pekerja 2024 ini menjadi pendorong baru bagi kita semua untuk terus berjuang dan mencapai impian-impian yang lebih besar lagi serta menyumbang kepada kejayaan MBS dari pelbagai aspek lebih-lebih lagi kepada kesejahteraan warga Bandaraya Seremban. **Selamat Hari Pekerja kepada semua warga kerja MBS.**

Sekian, *Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
30 APRIL 2024